

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)17

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

17. Apakah kerajaan berhasrat menggantikan tapak Pasar Permatang Pauh yang diambil untuk dirikan Masjid Madani memandangkan pasar sedia ada semakin sesak dan parkir terhad?
- (a) Di manakah lokasi baharu, keluasan dan kapasiti gerai yang dirancang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mempunyai cadangan untuk membina pasar awam baharu di lokasi lain iaitu di atas tanah milik Kerajaan Negeri di Lot 1272, 1273, 2051, sebahagian Lot 754 dan sebahagian Lot 2054, Sama Gagah, Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang berkeluasan sebanyak 8,172.2 meter persegi.

Namun demikian, permohonan pemberi milikan tanah bagi tujuan tersebut telah ditolak oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

(MMKN) Bilangan 25/2025 pada 04 September 2024 dan disahkan pada 11 September 2024 kerana lot-lot tanah tersebut adalah diperuntukkan untuk pembinaan masjid baharu di kawasan Permatang Pauh.

Susulan penolakan itu, MBSP telah meneliti semula keperluan projek dan mendapati bahawa pada masa ini tiada tapak baharu yang sesuai untuk pembangunan pasar awam berkenaan. Pihak MBSP akan mempertimbangkan dan mengkaji semula cadangan pembinaan semula pasar awam tersebut sekiranya terdapat tapak yang memenuhi keperluan dan kesesuaian pada masa hadapan.

Justeru itu, Pasar Awam Permatang Pauh (Pasar Awam Sama Gagah) masih beroperasi di lokasi sedia ada. Walau bagaimanapun, pihak MBSP sentiasa membuat pemantauan dan kawalan di tapak pasar tersebut bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang isu yang melibatkan orang awam tersebut termasuklah isu kesesakan yang serius dan parkir yang terhad.

(a) Sehingga kini, pihak MBSP masih belum mempunyai tapak yang memenuhi keperluan dan kesesuaian untuk menggantikan tapak Pasar Awam Permatang Pauh. Oleh hal yang demikian, Pasar Awam Permatang Pauh (Pasar

Awam Sama Gagah) masih dikekalkan di lokasi sedia ada iaitu di Jalan Sama Gagah, Taman Sama Gagah, Permatang Pauh, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang. Pihak MBSP akan mempertimbangkan semula cadangan pembinaan semula pasar awam tersebut sekiranya terdapat tapak yang sesuai dan memenuhi keperluan pada masa hadapan.

